

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2000/2001

Februari/Mac 2001

HKB 501- Tipainduk Dan Konvensi Dalam Kesusasteraan Asia

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Kertas peperiksaan ini mengandungi **LAPAN** [8] soalan. Jawab **EMPAT** [4] soalan sahaja, **DUA** [2] soalan daripada **Bahagian A** dan **DUA** [2] soalan daripada **Bahagian B**.

Bahagian A:

1. Bincangkan konsep tipainduk dari sudut makna dan unsur-unsurnya. Berdasarkan perbincangan tersebut, huraikan kedudukan mitos sebagai sumber kelahiran unsur tipainduk dalam kesusasteraan Asia. Kemukakan contoh-contoh yang sesuai untuk menyokong hujah anda.

2. Peristiwa Sita membuktikan kesucian dirinya dengan menjalani ujian api menampilkkan suatu konsep kebenaran dan harga diri yang dinaungi amalan (**dharma**) dalam kepercayaan Hindu. Bincangkan.

3. Kisah peperangan antara Sohrab dan Rostam sebagaimana tergambar di dalam ***Shahnama*** bukan sekadar mengenegahkan tema pertentangan antara anak dan bapa yang tragis dalam kepercayaan masyarakat silam Parsi tetapi juga memenuhi tuntutan konvensi kelahiran wira nasional sesuatu masyarakat. Bincangkan.
4. Kajian para sarjana menunjukkan bahawa motif “penyamaran” merupakan suatu konvensi penceritaan yang lumrah di dalam panji. Walau bagaimanapun, motif “penyamaran” yang terdapat di dalam roman ***Panji Narawangsa*** agak berbeza berbanding dengan cerita panji yang biasa. Bincangkan.

Bahagian B:

5. Tema sumbang mahram di dalam kesusasteraan Timur pada dasarnya melibatkan percintaan di antara ibu/ibu tiri dan anak/anak tiri atau sebaliknya. Dengan memilih tiga buah cerita daripada daerah-daerah yang berbeza perlihatkan sifat-sifat setiap cerita dan kemudian rumuskan persamaan umum cerita-cerita dari Asia ini. Bincangkan sejauh manakah teori Sigmund Freud yang mentafsir akan sumbang mahram di dalam tragedi Yunani, ***Oedipus***, dapat digunakan dalam menganalisis tema sumbang mahram dalam kesusasteraan Asia.
6. Sufisme sebagai satu doktrin yang tegar bukan sahaja melahirkan corak amalan keagamaan yang signifikan tetapi melahirkan juga aliran bentuk dan tema penulisan yang tersendiri sifatnya. Berdasarkan kepada penelahan anda terhadap puisi-puisi pilihan Jalaluddin Rumi perlihatkan keistimewaan bentuk dan tema puisi Sufi.
7. Tema “kepulangan” sebagai salah satu tipainduk dalam kesusasteraan dapat juga dianggap wujud dalam kesusasteraan Islam. Dengan mengambil kira kepercayaan asal usul manusia dalam ajaran Islam, bincangkan sejauh manakah anda dapat merumuskan bahawa karya Farid ud-din Attar, ***Manteq at-Tair***, adalah pada dasarnya satu perjalanan pulang yang penuh dengan cabaran dan kesusahan.

8. Pelbagai cerita tentang nabi-nabi yang tersibar luas di dunia Islam adalah hasil daripada transformasi kisah-kisah nabi di dalam ***al-Quran***. Berdasarkan kepada mana-mana karya tentang nabi-nabi,uraikan dengan kritis perubahan utama yang berlaku dalam aspek objektif, isi, bentuk dan kesan daripada kisah-kisah di dalam ***al-Quran***.

- 000 0 000 -